

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

YKA 103 – Komunikasi dan Masyarakat

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Bincangkan bagaimana media massa yang berbilang bahasa boleh menyatupadukan rakyat berbagai kaum di Malaysia. Adakah bahasa media yang berbeza menjadi masalah untuk rakyat berkongsi makna? Jelaskan dengan contoh-contoh.

(100 markah)

2. Sejauh manakah televisyen mempengaruhi anda? Sekiranya anda menjadi ibu bapa adakah anda akan merasa risau apabila anak anda gemar menonton televisyen? Jelaskan dengan contoh-contoh.

(100 markah)

3. Kita telah banyak mendengar dan membaca tentang kelebihan IT (teknologi maklumat). Berdasarkan pengamatan, pengalaman dan pengetahuan anda sendiri, sejauh manakah IT boleh menguntungkan golongan remaja?

(100 markah)

...2/-

4. Beberapa undang-undang telah diwujudkan untuk membendung kebebasan bersuara. Bincangkan dua undang-undang yang sering digunakan ke atas akhbar di Malaysia semenjak titik permulaannya sehingga kini. Beri contoh-contoh untuk memperkuatkan hujah anda.

(100 markah)

-0000000